

20 NOV 1999

Pencalonan-Pertandingan

KEBANYAKAN PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Pertandingan bagi kebanyakan kawasan pada pilihan raya umum 29 Nov ini nampaknya akan merupakan satu lawan satu antara Barisan Nasional (BN) dan pakatan empat parti pembangkang.

Setelah penamaan calon ditutup tengah hari ini, tanda-tanda ke arah itu jelas dilihat daripada keputusan pencalonan yang diterima dari pusat-pusat penamaan calon di seluruh negara.

Dengan itu jumlah calon yang bertanding pada kali ini dijangka lebih kecil daripada bilangan pada beberapa pilihan raya yang lepas apabila pertandingan tiga atau empat penjurur merupakan perkara biasa.

Bagaimanapun jumlah muktamad calon hanya dijangka diketahui menjelang petang hari ini.

Laporan dari beberapa pusat menunjukkan bahawa urusan pencalonan berjalan lancar pada keseluruhannya dalam suasana yang seakan-akan pesta apabila penyokong-penyokong parti berarak mengiringi calon masing-masing dengan membawa bendera dan sepanduk.

Setakat pukul 2.15 petang, BN yang menjadi parti pemerintah sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957, memperolehi dua kerusi tanpa pertandingan -- kerusi Parlimen Betong di Sarawak dan kerusi Dewan Undangan Negeri Johor bagi kawasan Tangkak.

Pada pilihan raya umum 1995, BN memperolehi 11 kerusi parlimen tanpa pertandingan pada hari penamaan calon, sembilan daripadanya di Sarawak sahaja dan dua lagi di Perak dan Selangor.

Sejumlah 1,279 calon bertanding pada pilihan raya lepas bagi merebut 192 kerusi parlimen dan 394 kerusi negeri. Selepas itu terdapat satu pertambahan kerusi parlimen.

Daripada jumlah itu, 427 calon bertanding bagi kerusi parlimen dan 852 orang bagi kerusi negeri.

Pilihan raya umum 1990 menyaksikan 1,167 calon -- 410 bagi kawasan parlimen dan 757 bagi kawasan negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara pemimpin tertinggi BN yang terlibat dalam pertandingan satu lawan satu.

Dr Mahathir, yang mempertahankan kubunya di Kubang Pasu, Kedah, dicabar oleh Subky Latif dari Pas, anggota jawatankuasa kerja Pas pusat dan penulis khas akhbar parti itu "Harakah", yang telah gagal dalam dua pilihan raya lepas di kawasan yang berlainan.

Dr Mahathir, yang mengadakan pilihan raya ini kira-kira tujuh bulan sebelum tamat penggal parlimen, telah melahirkan keyakinan kuat bahawa BN akan mengekalkan majoriti dua per tiga di parlimen.

BN juga berazam kuat untuk menawan semula Kelantan, satu-satunya negeri yang gagal dimenangkannya pada pilihan raya lepas.

Parti-parti pembangkang Pas, DAP, Keadilan dan PRM nampaknya mengotakan kata-kata mereka untuk mengemukakan barisan yang bersatu dengan menamakan diri mereka barisan alternatif.

Faktor inilah yang membawa kepada berlakunya pertandingan satu lawan satu antara BN dengan pakatan itu di kebanyakan kawasan.

Pada beberapa pilihan raya sebelum ini, parti-parti pembangkang biasa bertanding menentang antara satu sama lain.

Ura-ura bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dicalonkan tidak menjadi kenyataan apabila bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Timbalan Presiden Umno itu memutuskan untuk tidak bertanding.

Menurut peguamnya Zainur Zakaria, Anwar, yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, tidak bertanding kerana beliau percaya pencalonannya akan dibatalkan.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, seseorang tidak layak menjadi anggota Parlimen atau Dewan Undangan Negeri jika dia didapati bersalah oleh mahkamah dan dihukum penjara tidak kurang daripada setahun atau didenda tidak kurang RM2,000.

Hari ini Zainur sendiri mengemukakan pencalonan untuk bertanding bagi kawasan Parlimen Lembah Pantai atas tiket parti Keadilan yang dipimpin isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Anwar sedang dibicarakan terhadap tuduhan liwat.

Sementara itu, kawasan parlimen Permatang Pauh di Pulau Pinang, yang pernah menjadi kubu Anwar, merupakan satu lagi kawasan pertandingan satu lawan satu.

Calon BN Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Dr Ibrahim Saad dicabar oleh Dr Wan Azizah bagi merebut kerusi itu.

-- BERNAMA

AU NMO